

DW 1.4: Menaik Taraf Kawasan Berpotensi Agro Menjadi Taman Tema Desa dan Taman Pelancongan Ekstrem (*Escape Themepark*)

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Cadangan pusat rekreasi dan taman tema desa dan aktiviti mencabar dan lasak adalah mengikut tren pasaran semasa yang mensasarkan golongan minat khusus terutama golongan belia yang sukakan aktiviti yang berbeza, cabaran dan lasak.

Komponen Cadangan:

- **Taman Tema Desa**
 - Restoran Makanan Tradisional Johor
 - Simulasi Tanaman seperti kelapa sawit, sawah padi, ladang durian dan sebagainya
 - Simulasi Pertanian Moden (Hidroponik, Akuaponik)
 - Kawasan Penternakan (Mini Zoo)
 - Taman Fantasi seperti Rumah Hobit
 - Lokasi Swafoto
 - Permainan dan Aktiviti Bertema
- **Taman Sukan Ekstrem**
 - Go-Kart
 - Gecko Tower
 - ATV Adventure
 - Offroad Bike (*Mountain Bike*)
 - SkyBike, Zip-Line, Jungle Swinger
 - 5D Cinema Motion
 - Flying Fox dan lain-lain

Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan dan pengurusan projek antara agensi awam dan swasta.
- Menaik taraf kawasan pertanian atau perikanan yang berpotensi menjadi Taman Agro.

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **lapan (8) lokasi** dan beberapa destinasi pelancongan desa.

Daerah	Kampung Luar Bandar
Muar	1. Taman Herba Nasuha 2. AZ Durian Orchard
Segamat	1. Taman Agro <i>Mixed Farm</i> 2. Taman Abai <i>Agro Park</i>
Tangkak	1. Ladang Buah Naga milik <i>Madan Sun Red Pittaya Fruit</i> 2. Kg Durian Chondong 3. Tangkak <i>AgroTourism</i> 4. HS <i>Farmstay</i>

Jumlah 8

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • Tourism Johor • Pejabat Daerah • Kem. Belia dan Sukan 	<ul style="list-style-type: none"> • PBT • Institut Kemahiran • Pemilik Produk

ANGGARAN KOS


- Kos penyediaan taman tema desa bagi setiap daerah (pembinaan zoo mini, taman fantasi, bangunan pejabat (30'x40'), ruang niaga, aktiviti, kemudahan dan infrastruktur) serta penyelenggaraan = RM 3,000,000 setiap daerah dengan jumlah kos RM 9,000,000.
- Kos Papan Tanda arah/Informasi = RM 10,000 per kawasan dengan jumlah kos RM 80,000.
- Kos Pemasaran = RM 25,000 ribu per kawasan dengan jumlah kos RM 200,000.
- Kos Kursus peserta = RM 20,000 ribu per kampung sebanyak 2 kali (mengikut fasa) dengan jumlah kos RM 320,000.

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 9,600,000

FASA PELAKSANAAN



Rajah 4.19: Lokasi Cadangan Taman Tema Desa dan *Escape Extreme Park* di Johor Utara



PETUNJUK:

- Taburan Kampung Daerah Muar
- Taburan Kampung Daerah Tangkak
- Taburan Kampung Daerah Segamat
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara)
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Lokasi Cadangan Taman Tema Desa dan *Escape Extreme Park*

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

- 1.0 PENGENALAN
- 2.0 PROFIL DESA
- 3.0 HALAJU TUJU
- 4.0 DESA WAWASAN
- 5.0 DESA SELAJUTERA
- 6.0 DESA PRIHATIN
- 7.0 DESA MAMPAK
- 8.0 DESA PINTAR
- 9.0 PENGURUSAN

Penanda Aras Kajian (Taman Tema Desa)

Selecta Agro Park, Batu Malang, Indonesia merupakan Taman Tema Agro yang popular di Indonesia, di mana berjaya menarik pelancong domestik dan antarabangsa untuk ke taman tema berkonsepkan buah-buahan dan pertanian. Daerah Batu Malang merupakan daerah pengeluar buah-buahan terbesar di Jawa Timur, Indonesia. Antara aktiviti lain adalah 4D *cinema*, memetik buah dan lain-lain.



Foto: Antara aktiviti menarik yang menarik pengunjung.
Sumber: <https://indonesia.tripcanvas.co/malang/family-attractions/>

Penanda Aras Kajian (*Escape Extreme Park Penang*)

Penang Escape Theme Park yang terletak di Teluk Bahang, Pulau Pinang merupakan sebuah taman tema unik yang memiliki taman tema dan sukan air yang dikelilingi dengan persekitaran semula jadi. Terdapat 30 aktiviti yang disediakan antaranya *tubby tunnel*, *wave ball*, *three sixty*, *tubby racer*, *jungle swinger* dan lain-lain.



Foto: Antara aktiviti menarik yang sesuai untuk pelbagai peringkat umur untuk tarikan pelancong.
Sumber: Laman web <https://www.escape.my/>